



Laluan dari Bandar Permaisuri ke Kampung Besut, Setiu ditutup kepada lalu lintas akibat air sungai melimpahi jalan berikutan hujan lebat sejak tiga hari lalu.

[FOTO NOJIE NADZIRAH / BH]

Hujan lebat putus hubungan jalan raya

Permaisuri: Hujan lebat yang berterusan sejak kelmarin menyebabkan beberapa kampung di daerah ini dilanda banjir kilat dan jalan raya terputus hubungan.

Antara kampung terjejas ialah Kampung Che Long, Kampung Besut, Kampung Hulu Seladang, Kampung Buloh Hulu dan Kampung Seri Bayas.

Laluan yang dinaiki air sehingga satu meter dan ditutup kepada semua kenderaan ialah Jalan Permaisuri - Kampung Besut.

Jambatan menghubungkan Kampung Besut - Kampung Seri Bayas turut ditenggelami air. Bagaimanapun, tiada penduduk yang dipindahkan.

Air mulai surut pagi semalam dan menjelang tengah hari, kenderaan dibenarkan melalui Jalan Permaisuri - Kampung Besut.

Tidak ke sekolah

Tinjauan mendapati guru dan murid Sekolah Kebangsaan Kampung Besut tidak dapat ke sekolah kerana laluan dinaiki air.

Guru yang enggan nama disiarkan, berkata beliau terkejut apabila melihat jalan ke sekolah dinaiki air dan terpaksa berpatah balik ke sekolah berhampiran untuk melaporkan diri sebelum memaklumkan kepada Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Setiu.